

28 JUN 2003
Salleh-UMS/I

PENGENALAN KURSUS BERKAITAN PEMIKIRAN DR MAHATHIR SATU LANGKAH BAIK

KOTA BELUD, 28 Jun (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Salleh Tun Said hari ini mengalu-alukan cadangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk memasukkan pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pengajaran dan pembelajaran di universiti berkenaan.

Beliau berkata banyak yang boleh dipelajari daripada Dr Mahathir, yang pemikirannya menyentuh pelbagai aspek dalam kehidupan rakyat Malaysia.

"Pemikiran Dr Mahathir mencakupi setiap aspek kehidupan, dari politik ke ekonomi, sosial ke gaya hidup dan banyak lagi... kami gembira kerana UMS membuat cadangan ini," katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Guru peringkat daerah di sini, beliau berkata langkah itu akan membolehkan rakyat, terutamanya golongan muda untuk memahami kebijaksanaan Perdana Menteri.

"Beliau merupakan seorang pemikir hebat yang pemikirannya setara dengan pemikir-pemikir agung dalam sejarah," katanya yang juga Timbalan Ketua Umno Sabah.

Naib Canselor UMS Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman memberitahu pemberita di universiti itu semalam bahawa universiti berkenaan akan memperkenalkan pemikiran Dr Mahathir sebagai satu program kursus.

Sebagai permulaan, UMS akan memperkenalkan program itu dengan menggunakan buku-buku Perdana Menteri sebagai antara buku teks dan rujukan, menerusi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa sebaik sahaja Senat Universiti memberikan kelulusannya.

Sementara itu dalam ucapannya Salleh, yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri serta Anggota Parlimen Kota Belud berkata golongan guru mempunyai peranan besar dalam masyarakat.

"Masyarakat menghormati guru kerana mereka tidak sahaja sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah malah turut melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan berperanan sebagai penyalur maklumat yang tepat berhubung dasar kerajaan," kata beliau.

Guru juga merupakan pemimpin yang tugasnya tidak terhad kepada pengajaran dalam bilik darjah tetapi juga untuk membawa sekolah ke arah kecemerlangan, kata beliau.

-- BERNAMA
JS ROS